

31 MAY 1997

MALAYSIA, INDONESIA TANDATANGANI PERJANJIAN KHAS SIPADAN-LIGITAN

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia hari ini menandatangani perjanjian khas untuk mengemukakan tuntutan mereka terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Menteri Luar Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatnya dari Indonesian Ali Alatas menandatangani perjanjian itu sebelum mereka menyertai rakan sejawat lain untuk mesyuarat khas Menteri Luar Asean di sini.

Malaysia dan Indonesia telah bersetuju berkaitan satu memorandum tentang prosedur mengemukakan tuntutan mereka kepada ICJ di The Hague, Belanda berkaitan isu yang telah berlarutan selama 27 tahun itu.

Dalam bulan Oktober tahun lepas, kedua-dua negara itu memutuskan untuk merujuk perkara itu kepada ICJ setelah mereka gagal mencapai persetujuan berkaitan pulau tersebut.

Keputusan itu telah dicapai semasa mesyuarat antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto dari Indonesia semasa lawatan beliau ke sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan menerima keputusan ICJ walaupun ia berpihak kepada Indonesia. -- BERNAMA

ES RI